

# **ATURAN-ATURAN BAGI MENENTUKAN KAWASAN PERWAKILAN**

# **KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD**

## **ATURAN-ATURAN BAGI MENENTUKAN KAWASAN PEWAKILAN**

### **1. TAJUK**

- Pindaan  
MAPT 250606
- 1.1 Aturan-Aturan ini boleh disebut sebagai “Aturan-Aturan Bagi Menentukan Kawasan Perwakilan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”.
  - 1.2 Peraturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 25(1).

### **2. TAFSIRAN**

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);

“Aturan” ertinya sesuatu peruntukan dalam Aturan-Aturan;

Pindaan  
MAPT 250606

“Aturan-Aturan” ertinya “Aturan-Aturan Bagi Menentukan Kawasan Perwakilan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-hal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut undang-undang kecil 35(1) serta tertakluk kepada undang-undang kecil 33 dan 37;

“mesyuarat agung perwakilan” ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas Koperasi ini seperti diperuntukkan dalam undang-undang kecil 24;

“perwakilan” ertinya wakil anggota-anggota individu, yang dipilih di mesyuarat agung peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan Koperasi ini;

“undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepadanya;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

### **3. TUJUAN**

Tujuan Aturan-Aturan ini adalah untuk menentukan kawasan perwakilan yang akan diwakili di mesyuarat agung perwakilan oleh perwakilan-perwakilan yang dipilih di dalam mesyuarat agung kawasan bagi sesuatu kawasan perwakilan yang ditentukan.

#### 4. PERWAKILAN

- 4.1 Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:-
- 4.1.1 bagi dua puluh orang anggota hingga empat puluh anggota yang pertama seorang perwakilan;
- 4.1.2 tiap-tiap tambahan genap empat puluh orang anggota berikutnya seorang perwakilan;
- 4.1.3 Dimansuhkan
- 4.2 Seseorang anggota Lembaga atau anggota Jawatankuasa Audit Dalaman yang menjadi wakil di atas jawatannya tidak diambil kira dalam pengiraan bilangan maksima wakil dari kawasan berkenaan.
- 4.3 Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota, sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.
- 4.4 Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 15 pada dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
- 4.5 Seseorang anggota hendaklah menyertai mesyuarat agung kawasan bagi kawasan perwakilan di mana terletaknya tempat kerjanya.
- 4.6 Seseorang anggota berhak bertanding menjadi wakil ke mesyuarat agung perwakilan hanya bagi kawasan perwakilannya sendiri sahaja.
- 4.7 Kawasan pemilihan bagi seseorang anggota yang telah berpindah kerja di luar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan ialah kawasan pemilihan di mana terletaknya tempat kerja beliau sebelum beliau berpindah.
- 4.8 Kawasan pemilihan bagi seorang anggota yang berhenti kerja dan bekerja sendiri ialah kawasan pemilihan di mana terletaknya tempat di mana bil bagi tanggungnya kepada Koperasi ini di hantar.

#### 5. KAWASAN PERWAKILAN

Kawasan perwakilan untuk pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan adalah seperti berikut:

#### KAWASAN

1. Kawasan ini disempadani dari Lebuhraya K.L – Seremban mengikut Jalan Sungai Besi, Jalan Loke Yew sehingga ke Jalan Cheras km 10 yang disempadani oleh sempadan Wilayah/Selangor.
2. Kawasan ini bermula dari sempadan Selangor/Wilayah melalui Jalan Cheras ke Jalan Loke Yew, ke Jalan Yew, ke Jalan Tun Razak, ke Jalan Kia Peng, ke Jalan Perak, ke Jalan P.Ramlee, ke Jalan Sultan Ismail, ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, ke Jalan Pahang sehingga di sempadan Selangor/Wilayah di Jalan Gombak.

3. Kawasan ini bermula dari sempadan Selangor/Wilayah di Jalan Gombak mengikuti ke Jalan Pahang, ke Jalan Ipoh, ke Jalan Raja Laut, ke Jalan Putra, ke Jalan Kuching, ke Jalan Parlimen sehingga ke Jalan Damansara bersempadan dengan sempadan Selangor/Wilayah.
4. Kawasan ini bermula dari Lebuhraya Persekutuan mengikuti ke Jalan Bangsar, ke Jalan Travers, ke Jalan Damansara, ke Jalan Sultan Sulaiman, ke Jalan Syed Putra, ke Jalan Sultan Mohamed, ke Jalan Tan Cheng Lock, ke Jalan Tun Perak, ke Lorong Gombak, ke Jalan Raja Laut, ke Jalan Parlimen sehingga ke sempadan Selangor/Wilayah di Jalan Damansara.
5. Kawasan ini bermula dari Lebuhraya Persekutuan melalui Jalan Bangsar ke Jalan Travers, ke Jalan Damansara, ke Jalan Sultan Sulaiman, ke Jalan Sultan Mohamed, ke Jalan Tan Cheng Lock, ke Jalan Tun Perak, ke Jalan Lebuh Ampang, ke Jalan Gereja, ke Jalan Raja Chulan, ke Jalan Sultan Ismail, ke Jalan Imbi, ke Jalan Hang Tuah, ke Jalan Loke Yew, ke Jalan Sungai Besi sehingga sempadan Selangor/Wilayah di Lebuhraya K.L/Seremban.
6. Kawasan ini bermula dari Jalan Yew ke Jalan Tun Razak, ke Jalan Kia Peng, ke Jalan Perak, ke Jalan P.Ramlee, ke Jalan Sultan Ismail, ke Jalan Ampang, ke Lorong Ampang, ke Jalan Gereja, ke Jalan Raja Chulan, ke Jalan Sultan Ismail, ke Jalan Imbi, ke Jalan Hang Tuah, ke Jalan Loke Yew dan sehingga bertembung semula ke Jalan Yew.
7. Kawasan ini bermula dari Jalan Kuching melalui Jalan Putra ke Jalan Raja Laut, ke Jalan Ipoh, ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, ke Jalan Sultan Ismail, ke Jalan Ampang, ke Lorong Ampang, ke Jalan Gereja, ke Jalan Bandar, ke Jalan Tun Perak, ke Lorong Gombak, ke Jalan Raja Laut dan sehingga ke Jalan Parlimen yang bersambung dengan Jalan Kuching.
8. Kawasan ini adalah diliputi oleh kawasan Serdang.
9. Kawasan ini meliputi kawasan Kajang dan Bangi.
10. Kawasan ini meliputi kawasan Cheras di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Selangor/Wilayah. Ini termasuk juga kawasan Ampang.
11. Kawasan ini meliputi Shah Alam dan Subang Jaya.
12. Kawasan ini meliputi hanya di kawasan Subang sahaja.
13. Kawasan ini meliputi dari Seksyen 1, 1A, 2, 3, 5, 6, 9, 10, 14, 18, 51A. Ini juga meliputi kawasan SS1, SS2, SS3, SS8, SS9, SS9A, SS10, SS4, SS5, SS11, SS24, SS25, SS20, SS21, SS22, SS22A, SS23, dan kawasan Sungai Buloh.
14. Kawasan ini meliputi Seksyen 4, 7, 8 dan 51.
15. Kawasan ini meliputi Seksyen 11, 12, 13, 52, 20, 21, 22, 17, 17A.
16. Kawasan ini meliputi Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.
17. Kawasan ini meliputi Daerah Sepang, Kuala Langat dan Klang.
18. Kawasan ini meliputi Daerah Gombak sahaja

## 6. PINDAAN

Lembaga boleh, mengikut budibicaranya, meminda Aturan-Aturan ini dari masa ke semasa.

mercantile